

20 anggota polis bantu kawal trafik sekitar Bukit Bintang

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menempatkan kira-kira 20 anggota di sepanjang persimpangan Jalan Sultan Ismail-Jalan Raja Chulan hingga persimpangan Jalan Sultan Ismail-Jalan Bukit Bintang bagi melicinkan lalu lintas.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azry Akmar Ayob berkata, penempatan anggota trafik tersebut dibuat selepas perubahan jalan dua hala membabitkan laluan utama ibu kota itu.

Menurutnya, perubahan laluan itu bermula di simpang Jalan Raja Chulan sehingga ke Simpang Bukit Bintang, dekat sini.

Beliau berkata, cetusan perubahan laluan dua hala tersebut telah dilakukan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menangani kesibukan di laluan utama bandar raya.

"Perubahan laluan ini telah dilaksanakan sejak Rabu lalu bagi mengelak-



Azry (depan, dua dari kanan) melihat lalu lintas melibatkan laluan dua hala di Jalan Sultan Ismail pada Jumaat.

kan kesesakan lalu lintas di tengah ibu kota.

"Penempatan anggota di laluan ini bagi melicinkan lalu lintas kerana masih ramai pengguna jalan raya tidak mengetahui perubahan dilakukan," katanya dalam sidang akhbar pada Jumaat.

Aliran trafik dalam arah satu hala di Jalan Sultan Ismail bermula di persimpangan Jalan Bukit Bintang bermula sejak 1996.

Laluan dua hala yang dilaksanakan pada 1 Mei lalu bermula jam 9 pagi pada Isnin hingga Jumaat.

Mengulas lanjut, Azry berkata, semasa waktu puncak khusus pada awal pagi, pihak polis akan menjadikan laluan itu satu hala bermula jam 6 sehingga 9 pagi.

Menurut beliau, laluan satu hala itu bermula dari Jalan Kampung Pandan menghala Jalan Sultan Ismail dan laluan tersebut akan kembali ke laluan asal selepas selesai jam 9 pagi.

Jelas beliau, PDRM menempatkan anggota di laluan itu sehingga pengguna benar-benar faham perubahan tersebut.